

CNS6102

R GB 11-12 00193 BA861

aah

KERAJAAN BERTINDAK KE ATAS PAS KERANA ANJUR PERHIMPUNAN
Mahathir - Pas

ALOR SETAR, 11 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mengambil tindakan ke atas Pas kerana menganjurkan perhimpunan Jihadul Akbar (Jihad Besar) tanpa kebenaran polis di Kampung Memali, Baling, dari 26 hingga 28 Nov lepas.

+Kalau dia buat salah melanggar undang-undang, saya tak nampak kenapa kerajaan tidak harus mengambil tindakan, +katanya kepada pemheri tadi Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di sini hari ini.

Perdana Menteri dan isteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali tiba di sini untuk menghadiri jamuan makan malam anjuran mahasiswa Universiti Sains Malaysia (USM) di Dewan Datuk Syed Omar di sini malam ini. Jamuan itu sempena projek Siswa dan Masyarakat, di kompleks membeli belah Pekan Rabu di sini.

Yang turut berada di lapangan terbang untuk menyambut beliau ialah Menteri Besar, Tan Sri Haji Osman Aroff.

Datuk Seri Dr Mahathir mengesahkan bahawa pihak polis telah mengemukakan laporan kepada beliau selaku Menteri Dalam Negeri mengenai tindakan Pas mengadakan perhimpunan tanpa kebenaran dan perbuatan itu adalah menyalahi undang-undang. -- Lagi

▼11/12/20-03MST

CNS6104

R GB 11-12 00134 BA862

aah

Mahathir - Pas 2 Alor Setar

Pas menganjurkan perhimpunan itu bagi memperingati 1.4 anggotanya yang dianggapnya mati syahid dalam peristiwa Memali enam tahun lepas.

Empat anggota polis turut terbunuh setelah kumpulan anggota Pas itu yang diketuai Haji Ibrahim Mahmud atau Ibrahim Libya enggan menyerah diri kepada polis.

Apabila ditanya mengenai bentuk tindakan yang diambil terhadap Pas, Perdana Menteri berkata, itu terpuany kepada polis.

Datuk Seri Dr Mahathir dukacita kerana dasar Pas kononnya memperjuangkan Islam sedangkan tindakannya nampak jauh menyeleweng daripada apa yang dikehendaki oleh agama.

Beliau juga dukacita Pas menganjurkan perhimpunan untuk memperingati peristiwa Memali untuk mengenang anggotanya yang dianggap +syuhada+ (mati syahid) tetapi parti itu tidak langsung mengenang kematian empat anggota polis yang turut terbunuh dalam peristiwa itu. -- Lagi

▼11/12/20-05MST

CNS6105

R GB 11-12 00142 BA863

aab

Mahathir - Pas 3 Alor Setar

+Seperti yang kita tahu, anggotapolis telah herkorban begitu banyak. Mereka yang mempertahankan keselamatan negara daripada ancaman komunis.

+Kalau tak sebab polis negara mungkin diperintah oleh komunis dan (kalau demikian jadinya) demokrasi tak akan ada dan parti Pas juga tidak akan wujud, + kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mempersoalkan kenapa peristiwa seperti di Memalitidak berlaku ditempat-tempat lain sekiranya benar pasukan polis negara ini ganas dan zalim.

Katanya, pasukan polis yang mengepung kumpulan anggota Pas di Memalititu bertindak demikian untuk mempertahankan diri mereka setelah mereka diserang oleh kumpulan itu dengan tembakan yang menyebabkan empat daripada anggota polis itu terkorban.

Katanya, polis sebelum itu telah cuba untuk bertindak secara lembut termasuk merayu kumpulan itu berbincang tetapi sebaliknya mereka diserang.
-- Lagi

▼11/12/20-08MST

CNS6108

R GB 11-12 00195 BA864

aab

Mahathir - Pas 4 (Akhir) Alor Setar

Perdana Menteri berkata, pasukan polis negara ini tidak dilatih untuk bersikap ganas apatah lagi untuk memhunuh orang, malah dalam menghadapi rusuhan mereka hanya diarah menggunakan gas pemedih mata dan rotan.

Beliau juga kesal dengan sikap Pas yang suka menyalahkan takdir apabila sesuatu yang buruk menimpa mereka seperti kehakaran asrama sekolah menengah agamatajaan part, i i tu, Taufiqiah Khai riah Al-Halimiah, Padang Lumat, dekat sini, pada 22 Sept 1989, yang menyebabkan 27 orang pelajar terkorban.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata sekiranya Pas tidak menempatkan sehingga 600 orang pelajar dalam satu asrama yang sempit perkara buruk itu mungkin dapat dielakkan seperti kebakaran di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, yang tidak membabitkan kehilangan nyawa.

Mengenai kenyataan Menteri Belia dan Sukan, Haji Annuar Musa bahawa Pas mengaku telah membuat fitnah terhadap UMNO dan sanggup memhayar gantirugi \$80,000 serta meminta maaf secara terhuka, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Dia buat salah, dia patut bayarlah. +

Mengikut laporan akhbar hari ini, Haji Annuar berkata Pas mengakui melakukan fitnah itu menerusi satu laporan berita akhbar Buletin terbitan kerajaan negeri Kelantan, Ogos lepas. -- Bernama

▼11/12/20-10MST